

LEM/TEK/20 Sem.1
16 Mei 2019

PANDUAN TEKNIKAL

**PANDUAN PERMOHONAN
LESEN KELAS H
(AKTIVITI BUKAN PERUBATAN)
BAGI MENJALANKAN
PERKHIDMATAN
PENYENGGARAAN RADAS
PENYINARAN DAN RADAS PUNCA**



Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar
dan Perubahan Iklim
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-8922 5888
Fax: 03-8922 3685
Laman Web: <http://www.aelb.gov.my>

**PANDUAN PERMOHONAN LESEN KELAS H (AKTIVITI BUKAN PERUBATAN)
BAGI MENJALANKAN PERKHIDMATAN PENYENGGARAAN RADAS
PENYINARAN DAN RADAS PUNCA TERKEDAP**

KANDUNGAN

SKOP	3
PROSEDUR PERMOHONAN LESEN	3
Cara Memohon	3
Kelas, Fi dan Tempoh Lesen	4
Kelas Lesen	4
Fee Lesen	4
Tempoh Lesen	4
MAKLUMAT KHUSUS UNTUK PERMOHONAN LESEN	5
PENUTUP	6
REKOD DOKUMEN	6

SKOP

1. Dokumen ini disediakan sebagai panduan kepada pemohon yang ingin memohon lesen kelas H (aktiviti bukan perubatan) bagi menjalankan perkhidmatan penyenggaraan radas penyinaran dan radas punca terkedap.
2. Dokumen ini tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari semasa ke semasa. Pemohon juga hendaklah merujuk kepada LEM/TEK/1¹ bagi mendapatkan panduan umum permohonan lesen,

PROSEDUR PERMOHONAN LESEN

Sistem Atas Talian (Online System)

3. Permohonan lesen (baharu, membaharui dan meminda) hendaklah dikemukakan secara atas talian iaitu melalui Sistem Permohonan Lesen (eLesen). Oleh itu, pemohon hendaklah terlebih dahulu mendapatkan Sijil Tandatangan Digital (Digital Certificate (Digicert)). Sila rujuk <https://elesen.aelb.gov.my/esppuser/> bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Digicert.

Cara Memohon

4. Pemohon hendaklah mengakses sistem atas talian eLesen dan memuatnaik permohonan secara atas talian serta mana-mana dokumen sokongan yang diperlukan (Rujuk Senarai Semak seperti **Lampiran 1**).

¹ LEM/TEK/1: Panduan Umum Bagi Mendapatkan Lesen Daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

Kelas, Fi dan Tempoh Lesen

Kelas Lesen

5. Pemohon hendaklah memohon lesen Kelas H bagi menjalankan Perkhidmatan Penyenggaraan Radas Penyinaran dan Radas Punca Terkedap.

Fee Lesen

6. Setelah permohonan diluluskan, pemohon hendaklah menjelaskan bayaran fi lesen yang dikenakan iaitu sama ada dalam bentuk tunai, perbankan internet (Maybank2u, CIMB Clicks, RHB Online Banking atau CIMB Biz-Channel), bank draf, kiriman wang atau wang pos. Bagi bayaran secara bank draf, kiriman wang atau wang pos ianya hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah AELB.

7. Jumlah bayaran fi lesen yang dikenakan bergantung kepada jumlah masa proses penilaian yang dijalankan oleh AELB iaitu pada kadar RM20 (dua puluh ringgit) bagi setiap jam tenaga manusia yang digunakan oleh AELB. Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh 21 hari dari tarikh invois. Kegagalan membuat bayaran dalam tempoh ini akan menyebabkan kelulusan terbatal secara serta merta.

Tempoh Lesen

8. Lesen Kelas H bagi menjalankan Perkhidmatan Penyenggaraan Radas Penyinaran dan Radas Punca Terkedap yang dikeluarkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) sah bagi tempoh maksimum tidak lebih daripada tiga (3) tahun bergantung kepada penetapan oleh AELB.

MAKLUMAT KHUSUS UNTUK PERMOHONAN LESEN

9. Maklumat yang perlu dikemukakan bagi permohonan lesen kelas H (aktiviti bukan perubatan) bagi menjalankan perkhidmatan penyenggaraan radas penyinaran dan radas punca terkedap adalah seperti **Lampiran 1**, yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- a. Organisasi dan pengurusan syarikat;
- b. Pekerja;
- c. Alat Pengesan Sinaran;
- d. Program Perlindungan Sinaran;
- e. Pelan Kecemasan
- f. Pelan Sekuriti
- g. Peralatan Sinaran; dan
- h. Pembinaan Kemudahan Penyenggaraan

MAKLUMAT TAMBAHAN

10. AELB boleh meminta maklumat tambahan daripada pemohon dari semasa ke semasa apabila difikirkan perlu bagi tujuan menilai permohonan lesen kelas H (aktiviti bukan perubatan) bagi menjalankan perkhidmatan penyenggaraan radas penyinaran dan radas punca terkedap.

PENUTUP

11. Panduan ini adalah terpakai serta merta pada tarikh ia dikeluarkan.
12. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai panduan ini, pemohon/ pemegang lesen boleh berhubung dengan AELB menggunakan alamat seperti di bawah:

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor
No. Telefon : 03-8922 5888
No. Faks: 03-8922 3685
Email: mnr-customer@aelb.gov.my

REKOD DOKUMEN

Tarikh Terimapakai	Status semakan	Penyedia
Oktober 1999	0	a) AELB
16 Mei 2019	1	i. Bahagian Penilaian & Pelesenan; a) Siti Saleha Sofian Suri ii. Bahagian Dasar dan Hubungan Luar

SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN KELAS H

Perkhidmatan Penyenggaraan Radas Penyinaran dan Radas Punca Terkedap

Bil.	Perkara	Jenis permohonan lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
A.	Organisasi & Pengurusan:			
	Permohonan lesen melalui sistem atas talian eLesen			
1.	Fi permohonan RM 15.00 bagi setiap kelas lesen.	√	√	√
2.	Orang Yang Bertanggungjawab Terhadap Lesen (OBTL). [sila sertakan Borang 49 atau Borang Seksyen 14 bersama-sama Borang Seksyen 58 dan 236(2) yang disahkan benar oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sekiranya bukan Ahli Lembaga Pengarah surat perlantikan hendaklah ditandatangani oleh salah seorang ahli Lembaga Pengarah Syarikat [sila dapatkan borang dari laman web AELB di www.aelb.gov.my]	√		
3.	Salinan sijil pendaftaran syarikat yang telah disahkan benar oleh SSM. [Borang 9]	√		
4.	Surat perakuan pengamal perubatan berdaftar yang diluluskan. [sila dapatkan dari laman web AELB di www.aelb.gov.my]	√		
B.	Pekerja Sinaran:			
1.	Untuk pengiktirafan sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS)/Penyelia (PY) : a. Sila lengkapkan biodata pada Sistem Peperiksaan & Pekerja Sinaran [https://elesan.aelb.gov.my/iexam/] dan muatnaik dokumen berikut di dalam sistem yang sama; i. Gambar ukuran passport terkini. ii. Sijil kehadiran Kursus Perlindungan Sinaran untuk Pegawai anjuran agensi yang diiktiraf oleh AELB. Bagi pemohon bekas PPS yang tidak aktif dan PPS baru yang belum diiktiraf selepas setahun lulus peperiksaan PPS, sila lampirkan borang log CEP ² . iii. Salinan Sijil SKM (Radiografi industri) yang masih sah. (jika berkenaan) iv. Kad pengenalan. Bagi bukan warganegara, sertakan salinan passport yang masih sah. v. Sijil kelayakan akademik tertinggi b. Setelah melengkapkan perkara (a), sila buat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuatnaik dokumen seperti berikut; i. Salinan surat pengesahan pemeriksaan perubatan mukasurat 16 (LPTA/BM/5 Seksyen A), tidak melebihi 6 bulan daripada tarikh pemeriksaan. ii. Salinan permit kerja (Imigresen) bagi pemohon bukan warganegara iii. Resit pembayaran fi kad pekerja sinaran sebanyak RM 10/tahun yang telah dibuat terlebih dahulu samada pembayaran secara perbankan internet atau resit rasmi kerajaan yang diperoleh dari Unit kewangan AELB.	√		

² Sila rujuk panduan. LEM/TEK 44G 'Standard Pengiktirafan Baru dan Pengiktirafan Semula Berdasarkan Kaedah Program Pendidikan Berterusan (Continuous Education Programme – CEP)'.

Bil.	Perkara	Jenis permohonan lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
2.	Untuk pengiktirafan sebagai Pengendali Senggaraan, sila kemukakan perkara berikut: a. Membuat permohonan pada sistem eLesen, dengan memuatnaik dokumen B1(a)(i), (a)(iii), (a)(iv), (b)(i), (b)(ii), dan (b)(iii). b. Perakuan kompeten menyenggara iaitu Salinan sijil menghadiri latihan penyenggaraan bagi model yang dipohon daripada pihak pengeluar [model peralatan sinaran yang akan dilesenkan adalah bergantung kepada sijil-sijil ini]. Salinan sijil yang dikemukakan hendaklah telah disahkan benar.	√		
3.	Sekiranya pekerja sinaran pernah bekerja di syarikat lain, urusan pemberhentian kerja hendaklah diselesaikan terlebih dahulu.	√		
4.	Salinan Perakuan Bertanggungjawab yang dipersetujui secara bersama oleh pemberi khidmat senggara kepada penerima khidmat senggara berkaitan kerja-kerja senggaraan dan yang bersangkutan dengannya.			√
C.	Alat Pengesan Sinaran:			
1.	Salinan sijil tentukan alat pengesan sinaran daripada agensi yang diiktiraf oleh AELB.	√		
2.	Surat pengesahan pembelian alat pengesan sinaran (sekiranya belum ada). Pastikan alat pengesan sinaran sesuai dengan jenis sinaran yang digunakan.	√		
3.	Mempunyai bilangan alat pengawasan personel yang mencukupi (sila nyatakan jenis alat permonitoran personel yang akan digunakan)	√		
D.	Program Perlindungan Sinaran:			
1.	Muatnaik Program Perlindungan Sinaran yang didraf mengikut format LEM/TEK/45 ³ ke dalam sistem eLesen bersama borang Kelulusan dan pengesahan program/pelan untuk mendapatkan pengesahan AELB bagi tujuan terimapakai.	√	√	√
2.	Semak status Program Perlindungan Sinaran sama ada perlu diubahsuai atau tidak pada sistem eLesen.	√	√	√
E.	Pelan Kecemasan:			
1.	Muatnaik Pelan Kecemasan ⁴ ke dalam sistem eLesen bersama borang Kelulusan dan pengesahan program/pelan untuk mendapatkan pengesahan AELB bagi tujuan terimapakai.	√	√	
2.	Semak status Pelan Kecemasan sama ada perlu diubahsuai atau tidak pada system eLesen.	√	√	
F.	Pelan Sekuriti:			
1.	Muatnaik Pelan Sekuriti ⁵ ke dalam sistem eLesen bersama borang Kelulusan dan pengesahan program/pelan untuk mendapatkan pengesahan AELB bagi tujuan terimapakai.	√	√	
2.	Semak status Pelan Sekuriti sama ada perlu diubahsuai atau tidak pada sistem eLesen.	√	√	

³ Sila rujuk LEM/TEK/45 bertajuk "Panduan Penyediaan Program Perlindungan Sinaran"

⁴ Sila rujuk LEM/TEK/66 bertajuk "Panduan Penyediaan dan Pengujian Pelan Kecemasan Radiologikal dan Nuklear"

⁵ Sila rujuk LEM/TEK/62 bertajuk "Panduan Penyediaan Pelan Sekuriti Punca Radioaktif"

Bil.	Perkara	Jenis permohonan lesen		
		Baru	Meminda	Membaharui
G.	Peralatan Sinaran			
1.	Prosedur /manual bagi kerja-kerja penyenggaraan peralatan sinaran berkaitan.	√	√	
H.	Pembinaan Kemudahan Penyenggaraan: (mempunyai kawalan keselamatan dan sekuriti, jika berkenaan) – Bagi langkah Sekuriti Aras B sahaja iaitu bagi kegunaan Radiografi Industri.			
1.	Permohonan kebenaran membina hendaklah dikemukakan bersama permohonan lesen. Rujuk senarai semak permohonan kebenaran membina bilik dedahan di laman sesawang AELB.	√	√	
2.	Lokasi tempat penstoran (Kemukakan alamat, Pelan lakar kedudukan [sila nyatakan kawasan yang berada berhampiran dengan lokasi tersebut]).	√	√	